

Rakyat dapat manfaat penurunan OPR

KUALA LUMPUR 19 Julai - Penurunan kadar dasar semalaman (OPR) oleh Bank Negara dilihat memberi banyak manfaat kepada rakyat melalui penurunan kadar faedah bagi merangsang perkembangan ekonomi negara.

Timbalan Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara, Prof. Dr. Jamal Othman berkata, penurunan tersebut dijangka turut memberi kesan kepada kadar asas pinjaman oleh pihak bank.

“Apabila OPR turun, kadar asas pinjaman bank juga akan turun. Orang ramai yang membuat pinjaman bank akan mendapat penjimatan yang banyak kerana tidak perlu membayar balik dengan jumlah yang tinggi.

“Penjimatan ini secara tidak langsung akan menggalakkan penabungan serta lebihan wang untuk berbelanja. Oleh itu, taraf hidup akan meningkat kerana

kuasa beli rakyat semakin bertambah,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rabu lalu, Bank Negara menurunkan kadar OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus berbanding 3.25 peratus sebelum ini dengan kadar tertinggi dan terendah bagi koridor OPR juga dikurangkan kepada 3.25 peratus dan 2.75 peratus.